



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA**

**(SIRI 1/2021) KEBENARAN KHAS MENDIRIKAN SOLAT JUMAAT
BAGI SURAU YANG BERADA DALAM ZON MERAH SEPANJANG TEMPOH PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN (PKP) ATAU MANA– MANA PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN YANG BERKAITAN.**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah meneliti permohonan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK) mengenai Kebenaran Mendirikan Solat Jumaat Bagi Surau Yang Berada Dalam Zon Merah Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Atau Mana– Mana Perintah Kawalan Pergerakan Yang Berkaitan dan memutuskan seperti berikut;

1. Jawatankuasa Fatwa bersetuju supaya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah memberi Kebenaran Khas untuk mendirikan Solat Jumaat kepada **mana-mana surau yang berada dalam Zon Merah sahaja** dengan syarat-syarat berikut;
 - a) Surau-surau berkenaan telah mengemukakan Permohonan Mendirikan Solat Fardhu Jumaat kepada pihak JHEAIK dalam tempoh PKP atau mana-mana perintah kawalan pergerakan yang berkaitan,
 - b) **Jika status Zon Merah berubah kepada Zon Jingga, Kuning atau Hijau maka kebenaran tersebut terhenti dengan sendirinya,**
 - c) Solat Fardhu Jumaat yang dilaksanakan di surau yang terletak dalam kawasan perumahan hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 40 orang jemaah yang bermastautin bagi mencukupkan bilangan sah solat jemaah, dan

- d) Surau-surau berkenaan juga terikat dengan pematuhan *Prosedur Operasi Standard (SOP)* yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa.
2. Hal ini bertujuan untuk memastikan syiar Islam dalam zon berkenaan terus terpelihara disebabkan tempoh pemulihan mengambil masa yang panjang di samping mendidik para jemaah supaya lebih menghayati tuntutan kefardhuan solat Jumaat.
 3. Dalam situasi biasa, jika berbilang Jumaat didirikan dalam satu kariah maka hanya solat Jumaat yang terlebih dahulu bertakbiratul ihram adalah sah manakala solat Jumaat yang berikutnya adalah tidak sah dan kemungkinan juga kedua-dua solat Jumaat tersebut tidak sah jika berlaku takbiratul ihram secara serentak.
 4. Bagaimanapun, dalam keadaan darurat (zon merah), walaupun solat Jumaat tidak dapat dilaksanakan secara berterusan atau terdapat berbilang Jumaat dalam kariah yang sama, **solat fardhu Jumaat dalam situasi ini tetap sah kerana atas kebenaran pihak berkuasa agama negeri.**
 5. Kebenaran mendirikan solat Jumaat ketika Zon Merah oleh pihak kerajaan (pemerintah) **disebabkan keadaan dharurah/sulit yang dibenarkan oleh Syarak merupakan suatu keuzuran.** Apabila keuzuran itu berakhir maka kebenaran ini akan terhenti dan kembali kepada keadaan asal berdasarkan kaedah fiqh;

مَا جَازَ لِعُدْرِ بَطَلٍ بِرَوَالِهِ

Maksudnya; *Sesuatu yang diharuskan kerana keuzuran akan terhenti / lenyap apabila keuzuran itu hilang.*

6. Kebenaran khas mendirikan solat Jumaat juga layak dipertimbangkan kepada mana-mana surau berstatus Zon Merah yang berada dalam kawasan institusi pendidikan atau kawasan perindustrian yang tidak membenarkan pelajar / pekerja keluar daripada kawasan berkenaan seperti Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), kilang dan seumpamanya dengan syarat bilangan jemaah mencukupi sekurang-kurangnya 40 orang.

TARIKH KEPUTUSAN : 28 FEBRUARI 2021